


**TREK
TEATER**

Ridzuan Abdul Rahman
mohamadridzuan@hmetro.com.my

Generasi muda lebih cenderung menonton karya bebas yang dirasakan lebih dekat dengan jiwa dan selera mereka.

Karya sebegini secara tidak langsung membuka ruang dan perspektif baru terhadap hala tuju dan nilai komersial pementasan teater.

Seperti kebanyakan karya seni lain, mereka yang menghasilkan karya ini pasti mahu tampil dengan idea lain daripada yang lain.

Itulah harapan aktivis seni indie, Akyem Samad, 25, yang bertanggungjawab mengeňahkan pementasan Revodurah.

Menerusi produksi, El Hesh Indie Moving Production, pelakon dan pengarah berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kajian Politik dan Pemerintahan, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) ini mempertaruhkan karya segar lain daripada yang lain.

Teater ini akan dipentaskan selama dua hari berturut-turut bermula 29 Januari ini, jam 8.30 malam di Dewan Wisma ITBM, Seksyen 10, Wangsa Maju, Kuala Lumpur.

Menurut Akyem, objektif utama pementasan ini adalah untuk mendapatkan maklum balas pencinta teater selain ingin memperkenalkan barisan pelakon baru serta penghasilan teknik persembahan pentas baru seperti kaedah 'hologram'.

Majoriti tenaga produksi terdiri daripada gabungan alumni UNIMAS, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan dibantu kumpulan teater Ikabuana Stage Kuala Lumpur dan produksi PEN-TAS teater UPM.

Akyem berkata, Revodurah berkonsepkan eksperimen fiksyen animasi dengan

mencipta watak seperti dalam karya animasi.

"Idea menghasilkan skrip ini datang apabila saya melihat sebuah projek pembangunan yang terbengkalai.

"Sejak itu, imej maya mula bermain di fikiran dan saya mula menyusun nama watak satu persatu. Ia sangat mengujakan," katanya.

Penolong pengarah pementasan Azwan Azhari pula berkata Revodurah meneckankan aspek artistik pentas dan juga permainan teknik.

"Ia satu kisah fiksyen dramatik yang memaparkan keinginan manusia demi meneruskan kelangsungan kehidupan.

"Watak dalam pementasan ini adalah simbolik kepada realiti yang mungkin pernah dilalui seseiap sahaja," kata-

nya.

Teater ini membariskan pelakon baru seperti Fakruddin Attar, Mohd Suhaimi, Shahida Shamuddin, Hawa Khadeejah, Fadzil Radzi, Piazan Hassan, Tony Abdul, Mustari Dahlan, Taufiq Apek, Ika Angah dan Fathi Radzi.

Revodurah mengisahkan bangsa Melbon di Kota Merah selepas berakhirnya Perang Zairus. Nama Kota Merah sering disebut-sebut penduduk Bumi Selatan, Bumi Timur dan Bumi Barat kerana dikatakan memiliki sumber asli paling penting platinum merah.

Dek iri hati, Perang Zairus dilancarkan dan Kota merah musnah teruk. Platinum merah menjadi buruan ramai dan satu 'pesta' rebutan manusia tercetus sehingga mengorbankan jutaan nyawa.

Pada saat genting itu, muncul seorang lelaki yang mengaku dirinya raja dan cuba menakluki Kota Merah.

Tiket untuk menonton pementasan ini berharga RM15 manakala pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi pula RM10 boleh dibeli di Kounter Khidmat Pelanggan ITBM.

Maklumat lanjut teater ini boleh diperolehi dengan mengunjungi laman Facebook El-HeshIndieMovingProduction.

PERTARUH karya indie

*Pementasan Revodurah
perkenal barisan pelakon baru*



BARISAN produksi Revodurah.



AKYEM (dua dari kanan) memberikan tunjuk ajar kepada dua pelakon aksi ngeri.



SESSI latihan teater ini.